

11 MAR 2004

Pilihan raya-Reaksi (Calon)

ANNUAR MUSA, AZIZ SAMSUDIN HARGAI DISENARAIKAN BERTANDING

KOTA BAHARU, 11 Mac (Bernama) -- Bekas Menteri Pembangunan Luar Bandar

Datuk Annuar Musa menghargai pucuk pimpinan parti kerana memberi kepercayaan apabila turut menyenaraikannya dalam barisan calon Barisan

Nasional (BN) di Kelantan pada pilihan raya ke-11 ini.

Annuar diumumkan bertanding bagi DUN Kok Lanas hari ini oleh Pengerusi

BN Kelantan Datuk Mustapa Mohamed.

Pada pilihan raya 1999, Annuar yang juga bekas Timbalan Ketua Badan

Perhubungan Umno Kelantan bertanding mempertahankan kerusi Parlimen Peringat tetapi tewas kepada calon Keadilan Muhammad Mustafa.

"Saya bangga kerana dapat membantu Datuk Mustapa yang juga akan bertanding di DUN dan Parlimen. Saya percaya saya boleh bantu Kelantan

dalam apa jua kapasiti, syukur Alhamdulillah," katanya ketika diminta

mengulas mengenai pencalonannya itu di sini.

Annuar juga yakin BN akan berjaya merampas kembali Kelantan dari PAS

kerana setiap calon BN yang bertanding berjuang untuk kepentingan parti dan

bukannya kepentingan peribadi.

Sementara itu, di SHAH ALAM, calon BN bagi kawasan Parlimen Shah Alam,

Datuk Abdul Aziz Samsuddin bertekad memajukan bandar raya yang menjadi

pusat pentadbiran negeri Selangor kepada tahap yang lebih tinggi.

Menyifatkan pencalonan itu sebagai satu amanah besar yang mesti dipikul

dengan penuh tanggungjawab, beliau mengucapkan setinggi terima kasih kepada

pucuk pimpinan parti yang mencalonkannya.

"Terima kasih kepada pucuk pimpinan kerana yakin kepada saya," katanya

ketika ditemui selepas pengumuman calon BN negeri oleh Pengerusi BN Selangor Datuk Seri Dr Mohamad Khir Toyo.

Pencalonan Abdul Aziz, yang pernah berkhidmat sebagai Setiausaha Politik kepada bekas perdana menteri Tun Dr Mahathir Mohamad, bagi merebut

kerusi Shah Alam dianggap mengejutkan kerana beliau bukan anak kelahiran

Selangor malahan juga tidak memegang apa-apa jawatan di dalam Umno bahagian

itu.

Sebelum ini, nama Timbalan Menteri Pendidikan itu yang merupakan ketua penaja Umno Bahagian Gopeng, Perak, pernah disebut-sebut akan bertanding di kawasan Parlimen Gombak, Selangor atau Parlimen Gopeng.

-- BERNAMA

HS HS RHM